

29/06/2002

Kebolehan Pak Lah tangani masalah besar, kecil terserlah

Kadir Dikoh

PADA Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, isterinya Datin Seri Endon Mahmood adalah pendorong utama selain amat disayangi. Sejak berkahwin hingga sekarang, Pak Lah, 63, memanggilnya `Yang' (sayang) dan begitu juga sebaliknya.

Di khalayak ramai pun, mereka tidak segan memanggil `Yang' antara satu sama lain meskipun bagi sesetengah pihak panggilan mesra seumpama itu hanya ada dalam kamus orang muda.

Pasangan ini memang romantik dan penyayang hingga jika ke majlis keramaian, kedua-duanya dilihat kerap memakai pakaian yang bercorak atau berwarna sedondon. A very loving couple, kata mereka yang rapat dengannya.

Abdullah sepatutnya berlepas ke Los Angeles untuk menemani Endon yang menerima rawatan, selepas berakhirnya Perhimpunan Agung Umno, Sabtu lalu. Namun hasrat itu belum dapat dipenuhi kerana peristiwa gempar peletakan jawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan keesokan harinya pula Perdana Menteri berlepas ke Naples, Itali untuk bercuti sehingga 3 Julai ini.

Rentetan peristiwa selepas itu, termasuk mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Majlis Tertinggi (MT) Umno serta Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) Selasa lalu, menyebabkan jadual Abdullah begitu ketat.

Setelah dinamakan oleh Dr Mahathir sebagai penggantinya apabila bersara pada Oktober tahun depan dan cadangan peralihan kuasa itu kemudian diperakukan oleh mesyuarat MT dan BN, Pak Lah masih tidak berkesempatan ke luar negara, tambahan pula ketika memangku jawatan Perdana Menteri. Endon pula dilaporkan beransur pulih dan sedang bersiap untuk kembali ke tanah air.

Beliau dan Endon cuma mempunyai dua anak, iaitu Kamaluddin dan Nori. Kamaluddin dan isterinya, Azreen, mempunyai empat anak manakala Nori baru berkahwin dengan Khairy Jamaluddin, Ahli Exco Pemuda Umno yang satu ketika dulu popular dalam rancangan berbentuk perbincangan intelektual Date Line di NTV7.

Bagi anak dan cucunya, Abdullah adalah seorang ayah dan datuk yang penyayang.

Ahli keluarganya menyambut kepulangan Abdullah ke kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri di Putrajaya pada malam Selasa lalu setelah pengumuman bersejarah bahawa beliau bakal menduduki jawatan nombor satu dalam parti dan kerajaan, 16 bulan lagi.

Kepada mereka yang mengenali Pak Lah dengan lebih dekat, beliau tidak cerewet dengan makanan. Apa saja makanan menjadi kegemarannya seperti udang dan sup ayam. Kalau ke Negeri Sembilan, Pak Lah akan mencari gulai maman.

"Pak Lah amat suka madu lebah sejak dulu lagi. Malah, kalau pergi ke luar negara sekalipun, madu lebah akan dibawa bersama. Ini kerana bagi beliau madu lebah memberi kekuatan tenaga. Pak Lah juga tidak lupa makan pil vitamin kerana baginya ia juga memberi tenaga selain minum Milo," kata satu sumber.

Sejak peristiwa yang mencemaskan negara di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Sabtu lalu, Abdullah terpaksa minum air asam jawa bagi melegakan kerongkong kerana suaranya serak.

"Saya minta maaf kerana suara serak sedikit. Ini kerana hanya lima hari lalu, di sini... di pentas ini, saya menjerit-jerit meminta perwakilan bertenang selepas Dr Mahathir mengumumkan peletakan jawatan," kata Abdullah ketika menyampaikan Syarahan Perdana anjuran Dewan Perniagaan

Melayu Malaysia (DPMM) di Dewan Merdeka PWTC, malam Rabu lalu.

Abdullah sebenarnya adalah seorang yang amat berhati-hati dalam setiap tindak-tanduknya, taat kepada ketua dan tidak mahu menonjolkan diri kerana menyedari ada orang yang masih menjadi bosnya, iaitu Dr Mahathir.

Pada sidang akhbar selepas mesyuarat MT Umno, Selasa lalu, Abdullah ditanya oleh seorang wartawan apakah selepas ini Dr Mahathir akan menjadi Perdana Menteri yang kurang berkesan (lame duck), dan beliau menjawab:

"Itu hanya dalam pemikiran anda. Dari segi status Dr Mahathir akan tetap dipelihara sebagai Perdana Menteri dan Presiden parti dan kita masih patuh kepada beliau. Ini tidak bermakna dalam masa ini, saya hendak mendahului beliau, saya nak "projek" diri saya lebih daripada beliau. Itu bukan caranya."

Beliau amat berhati-hati dan mungkin peristiwa lalu diambilnya sebagai iktibar, iaitu ketika pemerintahan 2M - Dr Mahathir dan timbalannya ketika itu, Tan Sri Musa Hitam - seolah-olah wujud dua Perdana Menteri yang mempunyai kuasa sama atau tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang cuba menyaingi Dr Mahathir ketika menjadi timbalannya.

Abdullah sudah dinamakan oleh Dr Mahathir sebagai penggantinya kepada keluarga, beberapa minit selepas Perdana Menteri mengumumkan peletakan jawatannya Sabtu lalu. Ketika itu, beliau bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, serta dua anak, Mirzan dan Datuk Mokhzani, yang berada dalam bilik khas di Bilik Perdana PWTC.

Pada pagi Isnin lalu, Mokhzani mendedahkan hal itu kepada penulis dan ia adalah satu berita eksklusif untuk disiarkan ketika orang ramai masih tertanya-tanya berikutan belum ada pengesahan daripada Dr Mahathir sendiri selepas pengumuman mengejutkan itu.

Bagaimanapun, beberapa jam kemudian, anak lelaki kedua Perdana Menteri itu meminta supaya berita ini jangan disiarkan dulu sehingga selepas mesyuarat MT Umno yang akan membuat pengumuman rasmi.

"Ini adalah permintaan Pak Lah sendiri setelah saya memberitahunya bahawa saudara mendapat berita itu. Pak Lah meminta saya menghubungi saudara balik untuk "hold" dulu berita ini sehingga selepas mesyuarat MT esok (Selasa lalu)," kata Mokhzani.

Pada malam Rabu lalu pula, Abdullah menemui ahli Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) dalam satu majlis tertutup setelah mesyuarat Dewan Tertinggi BN berakhir dan berlaku gangguan elektrik selama kira-kira 10 minit di tingkat 39 PWTC.

Abdullah yang ketika itu sedang berucap, meneruskan ucapannya dalam keadaan bergelap dengan sedikit cahaya sinaran lampu kecil menggunakan kuasa bateri.

Pengerusi BBC, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, yang juga Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Bhd (TNB), berkata bekalan elektrik itu dibekal sendiri oleh pihak pengurusan PWTC, bukan TNB.

"Gangguan bekalan berlaku di dua tingkat saja, iaitu 38 dan 39 (PWTC), disebabkan penggunaan bekalan elektrik berlebihan kerana pihak televisyen (RTM dan TV3) menyiarkan acara pengumuman (selepas mesyuarat MT Umno) secara langsung," katanya.

Satu kelebihan pada Abdullah, menurut mereka yang rapat dengannya, ialah perawakannya yang sentiasa ceria, ramah dengan sesiapa saja, penyabar, tenang dan jarang marah sehingga kakitangan yang sudah lama bekerja dengannya dilayan seperti keluarga sendiri.

"Jika mampengerusikan mesyuarat, Pak Lah memberi peluang semua orang bercakap. Pak Lah tidak mahu mereka bercakap lain selepas keluar mesyuarat dan sebab itulah mesyuarat yang dihadapinya memakan masa. Beliau seorang pendengar yang baik," kata pembantunya.

Malah, katanya, kerana tidak mahu menghampakan setiap pelawat atau kenalan yang ingin menemuinya sama ada di rumah atau pejabat, Pak Lah

melayan mereka sehingga beliau sendiri kadang-kala lewat sampai ke acara tertentu yang sudah dijadualkan.

"Pak Lah akan bertanya siapa mereka yang ingin menemuinya. Jika orang itu datang dari jauh, misalnya dari Terengganu, maka Pak Lah mahu orang itu masuk dulu.

"Bagi mereka yang tak ada temu janji, Pak Lah akan suruh tunggu dulu sama ada di pejabat atau rumah dan apabila balik daripada tugas luar, Pak Lah akan menemui mereka. Pendek kata, Pak Lah tidak menghampakan mereka," katanya.

Kepada kakitangannya, Pak Lah jarang marah dan kalau marah sekalipun, beliau diam saja. "Kita dapat lihat daripada riak mukanya menahan sesuatu tapi tak lama. Jika staf buat silap, dia panggil dan tidak akan marah seseorang itu di depan orang ramai," katanya.

Begitupun, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri tegas apabila membuat sesuatu keputusan dan pantas menyelamatkan keadaan. Ketegasan Abdullah amat ketara dalam menangani gerakan reformasi yang kerap mengadakan demonstrasi jalanan sebagaimana tindakannya menahan beberapa orang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Pak Lah ni, nampak saja mesra, senyum tetapi dalam pada itu dua tiga orang masuk (ditahan mengikut ISA)," kata wakil dari Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin, secara berseloroh memujinya ketika berbahas pada Perhimpunan Agung Umno minggu lalu.

Malah, beliau berjaya meredakan keadaan tatkala orang ramai yang terpaksa berbaris panjang bagi membayar saman lalu lintas baru-baru ini hingga menimbulkan kekecohan.

Memanglah kesalahan orang ramai sendiri kerana berbuat demikian pada saat akhir di sebalik notis awal untuk membayar saman sehingga kesesakan berlaku di kaunter polis di seluruh negara. Isu 'kecil' itu kelihatan sudah mula merebak menjadi isu politik dengan kemarahan orang ramai kepada polis dan kerajaan. Namun, keprihatinan Abdullah yang melanjutkan tempoh pembayaran saman, melegakan semua pihak dan sekali lagi menyelamatkan keadaan.

Ada yang melihat Abdullah sebagai pemimpin rakyat tetapi kemesraannya tidak boleh diambil kesempatan oleh mana-mana pihak atau dipandang ringan kerana beliau akan bertindak mengikut lunas undang-undang apabila keadaan memerlukan.

Kepada pemain pasaran di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), mereka harus lebih berhati-hati kerana sebarang penyelewengan atau tindak-tanduk yang melanggar peraturan, akan pasti tidak terlepas daripada hukuman.

Antara keputusan berani dan tegas oleh Abdullah berkisar kepada masalah penyenaaran terbitan saham terhadap Technology Resources Industries Bhd (TRI) ketika beliau memangku jawatan Menteri Kewangan baru-baru ini.

Pada satu ketika, isu ini begitu rumit, kontroversi dan berpotensi untuk mengheret kejatuhan pasaran di BSKL. Ini ditambah pula tokoh korporat di belakang TRI, iaitu pengerusinya, Tan Sri Tajudin Ramli, yang sebelum itu heboh dengan kes Penerbangan Malaysia (MAS) serta laporan polis yang dibuat terhadapnya.

Abdullah dikatakan memanggil pihak pengawal selia dari Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan BSKL pada suatu hujung minggu bagi mencari jalan menanganinya.

"Pak Lah tidak mahu berkompromi. Beliau mahu sebarang keputusan dibuat mesti berlandaskan undang-undang (SC dan BSKL) dan setiap peraturan dipatuhi tanpa mengambil kira siapa di belakang syarikat itu kerana personaliti dianggapnya sebagai isu berasingan. "Pak Lah amat mengambil berat jika sesuatu itu membabitkan wang rakyat dan keputusannya mesti cepat dan sempurna," kata satu sumber industri. Hasilnya, isu TRI berjaya diselesaikan mengikut peraturan dan bukan mengikut 'cita rasa politik'.

Kemuncak ketegasan dan kebijaksanaan Abdullah sebelum dinamakan sebagai bakal Perdana Menteri, amat ketara pada akhir Perhimpunan Agung Umno Sabtu lalu. Petang 22 Jun 2002 itu bakal tercatat dalam lipatan sejarah negara.

"Seorang pemimpin baru lahir di Dewan Merdeka pada tanggal 22 Jun itu," kata seorang pemerhati merujuk kepada tindakan pantas Abdullah meluru ke arah mikrofon dan bukan mengerumuni Perdana Menteri sebaik saja Dr Mahathir membuat pengumuman yang mencemaskan negara, untuk menenangkan keadaan yang agak gempar serta mendesak Presiden Umno itu menarik balik keputusannya.

Sebagaimana pada masa lalu, Pak Lah sekali lagi menyerlahkan apa juga tindakannya tidak akan mendahului waktunya berbuat demikian.

(END)